



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU KEDUA 2021

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
SECOND QUARTER 2021

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KEDUA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAJUK UTAMA:
SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS MENCATATKAN
PERTUMBUHAN YANG POSITIF PADA SUKU KEDUA TAHUN 2021.**

1. Pada suku kedua (Q2) 2021, pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 2.1 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 4.7 peratus. Sektor Bukan Minyak & Gas pula mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus.
2. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND4.7 bilion berbanding BND4.0 bilion pada Q2 2020. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 50.6 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 49.4 peratus.



3. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 118.3 ribu tong sehari pada Q2 2020 kepada 111.1 ribu tong sehari pada Q2 2021. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 34.3 juta meter padu sehari pada Q2 2020 kepada 31.5 juta meter padu sehari pada Q2 2021. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 910,974 MMBtu sehari kepada 852,689 MMBtu sehari pada tempoh masa yang sama. Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pemulihan. Sementara itu, penurunan pengeluaran LNG pula adalah disebabkan oleh bekalan gas yang terhad dan aktiviti penyelenggaraan pada salah satu kemudahan loji LNG.
4. Manakala, peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan keluar negara yang masih dikuatkuasakan bagi mencegah penularan pandemik COVID-19 dan juga sambutan perayaan Aidilfitri pada pertengahan bulan Mei 2021. Peningkatan subsektor ini adalah juga selaras dengan peningkatan jualan runcit yang didorong oleh jualan di Gedung Serbaneka, dan Tekstil, Pakaian & Kasut.
5. Ini diikuti dengan peningkatan Subsektor Elektrik dan Air yang terutamanya disebabkan oleh kenaikan pengeluaran elektrik selaras dengan peningkatan penggunaan komersial, awam dan industri. Prestasi Subsektor Restoran juga mengalakkan pada Q2 2021 selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan keluar negara yang masih dikuatkuasakan. Subsektor Perkhidmatan Kesihatan juga meningkat berikutan peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan kesihatan bagi sektor kerajaan dan sektor swasta.

6. Selain itu, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan kenaikan sebanyak 12.9 peratus pada Q2 2021 berikutan peningkatan dalam pengeluaran subsektor-subsektor Perikanan, Ternakan dan Perhutanan. Peningkatan aktiviti-aktiviti perikanan adalah disebabkan oleh industri penangkapan ikan dan akuakultur. Hasil keluaran tangkapan nelayan kecil-kecilan adalah penyumbang terbesar kepada peningkatan industri penangkapan ikan. Manakala, penyumbang utama bagi peningkatan industri akuakultur adalah daripada peningkatan keluaran ternakan udang. Sementara itu, peningkatan dalam aktiviti Ternakan adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging kerbau, daging kambing, ayam pedaging dan telur. Peningkatan pada pengeluaran kayu balak adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan subsektor perhutanan.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah terutamanya disebabkan penurunan permintaan luar iaitu eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak 10.9 peratus tahun-ke-tahun. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan pada permintaan dalam negeri seperti Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 2.6 peratus, Perbelanjaan Kapital (khususnya pelaburan swasta) sebanyak 12.7 peratus dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 13.9 peratus.

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap:

	Q2 2020	Q2 2021	% Pertumbuhan
Permintaan Dalam Negeri	3,305.3	3,650.1	10.4
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	844.7	866.6	2.6
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	889.4	1,013.1	13.9
Perbelanjaan Kapital	1,571.3	1,770.4	12.7
Permintaan Luar Negeri	3,409.9	3,037.9	(10.9)
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,409.9	3,037.9	(10.9)
KDNK	4,785.4	4,683.5	(2.1)

8. Anggaran KDNK bagi suku pertama (Q1) 2021 juga telahpun disemak kepada penurunan sebanyak 0.8 peratus pada harga tetap daripada penurunan sebanyak 1.4 peratus yang dikeluarkan sebelum ini setelah mengambilkira pengemaskinian data daripada agensi-agensi pembekal data. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Kedua 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY


QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
SECOND QUARTER 2021

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUES TO RECORD POSITIVE GROWTH IN THE SECOND QUARTER OF 2021.

- 1. In the second quarter (Q2) 2021, Brunei Darussalam's GDP growth rate declined by 2.1 per cent year-on-year. This was due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 4.7 per cent. The Non-Oil & Gas Sector, however, recorded an increase of 0.9 per cent.*
- 2. Brunei Darussalam's GDP at current prices was valued at BND4.7 billion compared to BND4.0 billion in Q2 2020. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 50.6 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 49.4 percent.*



3. *The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 118.3 thousand barrels per day in Q2 2020 to 111.1 thousand barrels per day in Q2 2021. Natural gas production also recorded a decrease from 34.3 million cubic metres per day in Q2 2020 to 31.5 million cubic metres per day in Q2 2021. In addition, LNG production declined from 910,974 MMBtu per day to 852,689 MMBtu per day during the same period of time. The reduction in crude oil and natural gas production was due to shutdown turnaround activities. Meanwhile, the LNG production decline due to limited gas supply and maintenance activities at one of the LNG plant facilities.*

4. *Meanwhile, the growth in the Non-Oil & Gas Sector was mainly due to the increase in the subsector of Wholesale and Retail Trade which contributed by an increase in the domestic demand due to the travel restrictions which remain effective to prevent the spread COVID-19 pandemic as well as the Aidilfitri celebrations in mid May 2021. The increase in this subsector was also in line with the increase in retail sales driven by the sales of Department Store, and Textiles, Wearing Apparel & Footwear.*

5. *This was followed by the increase in the Electricity and Water Subsector mainly due to the rise in electricity production in line with an increase in electricity consumption of commercial, public and industry. The performance of the Restaurant Subsector in Q2 2021 was also encouraging in line with increase in the domestic demand as the travel restrictions remain effective. The Health Services subsector also increased in line with the increase in both government and private health services activities.*

6. *In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery sector also recorded an increase of 12.9 per cent in Q2 2021. This was due to an increase in the production of subsectors such as Fishery, Livestock & Poultry and Forestry. An increase in fisheries activities was due to the capture and aquaculture industry. The rise in the production from the small-scale fisherman has led to the growth in the capture industry. Meanwhile, farm prawns were the main contributor to the increase in aquaculture industry. In addition, an increase in livestock & poultry activities was associated with an improvement in the production of buffalo meat, goat meat, broiler, and eggs. The increase in round timber production was a major contributor to the growth in the forestry subsector.*
7. *By expenditure approach, negative GDP growth was mainly due to a decrease in the external demand (exports of goods and services) by 10.9 per cent. However, this growth was moderated by the increase in the domestic demand such as Government Final Consumption Expenditure by 2.6 percent, Gross Capital Formation (particularly private investment) by 12.7 percent and the Household Final Consumption Expenditure by 13.9 percent.*

GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q2 2020	Q2 2021	% Growth
Domestic Demand	3,305.3	3,650.1	10.4
Government Final Consumption Expenditure	844.7	866.6	2.6
Household Final Consumption Expenditure	889.4	1,013.1	13.9
Gross Capital Formation	1,571.3	1,770.4	12.7
External Demand	3,409.9	3,037.9	(10.9)
Exports	3,409.9	3,037.9	(10.9)
GDP	4,785.4	4,683.5	(2.1)

8. *GDP for the first quarter (Q1) 2021 has also been revised to negative 0.8 per cent at constant prices from the negative growth of 1.4 per cent released previously taking into account data revisions from source agencies. Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Second Quarter of 2021 is available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*